PNBBCPORTAL.COM ONLINE 15 JANUARI 2021

# KPPK Peruntuk RM300,000 Bantu Mangsa Banjir



15 JAN: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk bantuan kepada mangsa banjir besar kali ini yang sebahagian besarnya melibatkan petani dan pekebun kecil getah serta sawit.

Sumbangan itu turut merangkumi agensi-agensi di bawah KPPK termasuk Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Majlis Getah Malaysia (MRC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA).

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, sebanyak empat misi sudah disempurnakan sebelum ini iaitu di Raub, Chenor, Kemaman di Terengganu dan Kluang di Johor sepanjang minggu lalu.

"Misi kemanusiaan KPPK ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dalam usaha kementerian membantu rakyat yang ketika ini ditimpa musibah di negeri-negeri yang terjejas.

"Kementerian turut merancang untuk melancarkan misi bantuan pasca banjir apabila semua mangsa banjir dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing sebaik sahaja dibenarkan oleh pihak berkuasa.

"Marilah sama-sama kita berdoa supaya Allah SWT segera mengakhirkan segala musibah dan bencana yang sedang dihadapi oleh negara kita termasuk pandemik COVID-19 agar segala perancangan untuk meningkatkan dan memajukan ekonomi demi kesejahteraan rakya dapat dilaksanakan dengan baik," katanya dalam kenyataan media hari ini.